

08/02/2003

Tabung Perwira capai sasaran RM1 juta

Normah Bitong

SASARAN mengumpul RM1 juta bagi mengisi Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) sempena majlis Malam Amal di Kota Kinabalu baru-

baru ini, berjaya direalisasikan berikutan kerjasama dan sumbangan pelbagai syarikat korporat, agensi kerajaan dan individu.

Kejayaan itu sekali gus menunjukkan sikap prihatin pelbagai pihak terhadap nasib pasukan anggota keselamatan yang banyak berkorban dan berjasa dalam memastikan keamanan negara.

Pada majlis malam amal yang diadakan di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu itu, sebanyak RM1 juta dikumpul hasil derma pelbagai pihak yang menaja jualan meja, persembahan nyanyian dan pertandingan golf.

Majlis itu dihadiri Yang di-Pertua Negeri Sabah, Datuk Ahmadshah Abdullah; Ketua Menteri merangkap pengerusi penganjur, Datuk Chong Kah Kiat dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Musa Aman.

Pada majlis itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, turut mempersembahkan nyanyian untuk mengisi tabung berkenaan.

Pengorbanan, jasa baik dan nasib anggota pasukan keselamatan dalam memastikan keamanan negara perlu diberi perhatian dan pembelaan bukan hanya oleh kerajaan tetapi semua pihak termasuk sektor swasta dan individu.

Bahkan, mereka juga perlu diberi pengiktirafan sewajarnya kerana sanggup bergadai nyawa ketika menjalankan tugas mempertahankan kemakmuran dan kedaulatan negara.

TAPPN diwujudkan untuk memberi bantuan sagu hati, nafkah, persekolahan dan peralatan ortopedik kepada anggota keselamatan seperti polis, tentera, pertahanan awam, kastam, imigresen dan Rukun Tetangga yang meninggal dunia atau cedera ketika bertugas.

Bantuan pula dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Bantuan Sara Hidup, Balu dan Anak Yatim, Kesihatan dan Perubatan, Pendidikan serta Kecemasan dan Bencana Alam.

Pada mulanya, penubuhan TAPPN adalah hasil gabungan dua tabung iaitu Tabung Pertahanan Negara (TPN) dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara (TADKPN) pada 5 Oktober 1984.

Kedua-dua tabung ini ditubuhkan pada 1964 dan empat tahun selepas itu TPN melalui kempenya berjaya mengutip sumbangan berjumlah RM6.8 juta, manakala TADKPN mengutip RM41,414 melalui kerjasama beberapa akhbar tempatan.

Oleh kerana objektif kedua-dua tabung ini sama tetapi diurus dua agensi yang berasingan iaitu Kementerian Pertahanan bagi TPN dan Jabatan Amanah Raya bagi TADKPN, keputusan untuk menggabungkan kedua-dua tabung ini dilakukan kemudian dinamakan TAPPN.

TAPPN dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan

ada 19 ahli mewakili tentera, polis, kementerian dan jabatan kerajaan dipilih, Bank Negara serta organisasi seperti Dewan Perniagaan dan Ketua Pengarang beberapa akhbar tempatan.

Melalui TAPPN, jika berlaku kematian RM18,000 akan dibayar kepada balu atau kepada ibu bapa bagi anggota bujang. Bagi kes cedera parah pula, bayaran saguhati antara RM4,000 hingga RM21,000 diberi mengikut tahap kecederaan dan RM600 bagi kecederaan ringan.

Sementara itu, anak-anak anggota pasukan keselamatan yang meninggal layak menerima bantuan persekolahan tahunan sebanyak RM90 hingga RM1,500.

Selain itu, balu yang menerima pencen kurang daripada RM450 sebulan.

Sementara itu, Najib dalam ucapannya pada majlis itu merayu penduduk agar menyumbang kepada Tabung Pertahanan Negara sebagai tanda penghargaan serta prihatin terhadap pengorbanan pasukan keselamatan mempertahankan kedaulatan negara.

"Dalam kita sibuk menjalankan kehidupan seharian, kita minta setiap rakyat dapat memikirkan sejenak pengorbanan pasukan keselamatan dalam usaha memastikan negara terus kekal aman dan harmoni.

"Sumbangan anda biarpun tidak seberapa sudah pasti akan dapat membantu mereka," katanya.